



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PEKELILING PENDAFTAR

Tarikh : 8 Ogos 2012

Bil. 8/2012

Ruj : UMS/PN2.1/P5/2

PEKELILING PENDAFTAR BIL. 8/2012

PINDAAN

PERATURAN PAKAIAN SEMASA BEKERJA DAN SAHSIAH RUPA DIRI BAGI PEKERJA UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan **pindaan** perkara berkaitan Peraturan Pakaian Semasa Bekerja dan Sahsiah Rupa Diri bagi Pekerja Universiti Malaysia Sabah yang terkandung dalam **Pekeliling Pendaftar Bil. 7/2011** sebelum ini.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Peraturan yang digunakan sekarang adalah berdasarkan Pekeliling Pendaftar Bil. 7/2011 iaitu Peraturan Pakaian Semasa Bekerja dan Sahsiah Rupa Diri bagi Pekerja Universiti Malaysia Sabah.
- 2.2 Pindaan peraturan ini adalah selaras dengan Majlis Amanat Sulung Naib Canselor ke-IV, Prof. Dr. Mohd Harun Abdullah yang telah diadakan pada 25 Jun 2012.

3.0 PINDAAN

- 3.1 Selaras dengan Majlis Amanat Sulung Naib Canselor ke-IV, beberapa peraturan dalam penyeragaman identiti yang terkandung dalam Pekeliling Pendaftar Bil. 7/2011 di pinda seperti berikut :-
 - (i) Perenggan 4.4.4 dipinda kepada semua pekerja dibenarkan memakai **pakaian Baju Korporat Universiti**, jika ada, pada **setiap hari Rabu** kecuali bagi pekerja yang mempunyai pakaian seragam sendiri.
 - (ii) Perenggan 4.4.5 dipinda kepada ringkasan mengenai pakaian lain yang boleh dipakai pada hari-hari tertentu adalah seperti dalam jadual

berikut (kecuali bagi pekerja yang mempunyai pakaian seragam sendiri):-

HARI	ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT
JENIS PAKAIAN	Pakaian kerja	Pakaian kerja	i) Pakaian kerja; atau ii) Pakaian seragam Pasukan Beruniform (sekiranya ada); atau iii) Pakaian Baju Korporat Universiti (sekiranya ada)	i) Pakaian kerja; atau ii) Pakaian batik	i) Pakaian kerja; atau ii) Pakaian baju Melayu bagi lelaki (lengkap bersamping dan bersongkok)

4.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling Pendaftar Bil. 8/2012 berkuat kuasa mulai dari tarikh ia dikeluarkan. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling Pendaftar Bil. 7/2011 (Peraturan Pakaian Semasa Bekerja dan Sahsiah Rupa Diri bagi Pekerja Universiti Malaysia Sabah).

Sekian. Terima Kasih.

"BERTEKAD CEMERLANG"

Yang Ikhlas,



MEJ. (K) DATUK ABDULLAH HJ. MOHD. SAID
Pendaftar

s.k. ☞ Naib Canselor

- ☞ Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
- ☞ Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni)
- ☞ Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
- ☞ Bendahari
- ☞ Ketua Pustakawan